

05 DEC 1996

KEJAYAAN PERJANJIAN DAMAI MINDANAO PERLUKAN PELABURAN ASING

KUALA LUMPUR, 5 Dis (Bernama) -- Perjanjian damai Mindanao yang ditandatangani oleh Presiden Filipina Fidel Ramos dengan bekas pemimpin pejuang Islam Nur Misuari memerlukan pelaburan asing untuk berjaya, kata gobenor Lanao del Norte Abdullah D. Dimaporo di sini hari ini.

Wilayah selatan Filipina memerlukan pembangunan bagi memastikan rakyat terjamin mata pencarian mereka, katanya.

Dimaporo berada di sini kerana mengetuai misi perdagangan dan pelaburan selatan Filipina ke Malaysia yang tiba di sini semalam. Lanao del Norte ialah sebuah kawasan di Mindanao.

Dimaporo berharap anggota-anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) akan mengikut jejak Malaysia dan melabur di Mindanao kerana tanpa sokongan sedemikian, perjanjian tersebut akan gagal.

Beliau mengalu-alukan ikrar Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini untuk menambah pelaburan Malaysia di selatan Filipina.

Misi perdagangan dan pelaburan yang mengandungi 29 anggota itu berada di sini untuk memperkenalkan peluang-peluang pelaburan dalam Projek Pembangunan Khas Koridor Cagayan De Oro-Illigan (CIC) yang merupakan sebahagian daripada Kawasan Pertumbuhan Asean Timur Brunei-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA).

Terdahulu, perwakilan ini telah melawat Brunei, Sabah dan Sarawak. Kuala Lumpur merupakan destinasi terakhir mereka sebelum pulang melalui Singapura pada 8 Disember.

Dimaporo berharap ketua eksekutif Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Datuk Abdul Rahman Abdullah yang telahpun tiga kali melawat Mindanao akan melawat wilayah itu selepas ini, bagi memperkukuhkan hubungan. -- BERNAMA

MSL KY/sia